

Turut menjadi hab utama ke Pulau Tioman

Jeti kargo Kuala Rompin siap

Oleh ZAMZURINA AHMAD
utusanpahang@utusan.com.my

KUALA ROMPIN 20 Jun – Jabatan Laut kini mempunyai satu lagi jeti kargo yang akan menjadi hab utama mengendalikan urusan kargo dan logistik dari tanah besar Pahang ke Pulau Tioman dan pulau-pulau berhampirannya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Othman berkata, jeti yang dibina dengan kos kira-kira RM7.7 juta itu adalah inisiatif kerajaan untuk menggantikan jeti lama yang telah uzur dan tidak selamat lagi digunakan.

“Walaupun pada awal pembinaan jeti kargo itu terdapat pelbagai masalah dari segi teknikal dan sosial tetapi pembinaannya siap lebih awal dari tarikh yang dijangkakan.

“Sebelum ini, kita terpaksa menyedi-
di jeti sementara untuk nelayan da-
membina semula jeti nelayan dengan kos kira-kira RM292,000,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Per-
Peraheran Siap Kerja Projek Pem-

binaan Jeti Kargo di sini, semalam.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Ahli Dewan Undangan (ADUN) Tioman, Mohd. Johari Hussain dan Pengarah Urusan Prinsip Empayar (M) Sdn. Bhd., Dr. Ahmad Zainal Abidin.

Menurut Ahmad, jeti yang akan memulakan operasi dalam masa terdekat itu berukuran 100 meter panjang iaitu sama panjang dengan jeti yang dibina di Pulau Tioman.

“Dengan memiliki ukuran panjang yang sama, maka selepas ini semua jenis bot kargo dan tongkang besar boleh menggunakan kedua-dua jeti ini tanpa sebarang masalah.

“Malah, kedua-duanya jeti kargo iaitu di tanah besar dan Pulau Tioman mempunyai kapasiti yang sama untuk memuatkan barangan,” jelasnya.

AHMAD Othman (kanan) ditemani wakil kontaktor, **Dr. Ahmad Zainal Abidin** melawat jeti kargo Kuala Rompin yang baru siap dibina di Rompin, Pahang, kelmarin.

